

AKTIVITI 5 - TATABAHASA

5.1.7 memahami dan menggunakan kata penguat dengan betul.

Kata Penguat		
KP Hadapan	KP Bebas	KP Belakang
* terletak di hadapan KA	* terletak di hadapan / belakang KA	* terletak di belakang KA
T - terlalu	S - sangat	B - benar
P - paling	A - amat	B - betul
A - agak	S - sungguh	S - sekali
		N - nian
terlalu cantik paling cantik agak cantik	sangat cantik / cantik sangat amat cantik / cantik amat sungguh cantik / cantik sungguh	cantik benar cantik betul cantik sekali cantik nian

KA-
Kata
Adjektif

LATIHAN

Isi tempat kosong bagi ayat di bawah dengan kata penguat yang sesuai.

- Kakak saya sedih _____ apabila nenek meninggal kerana dia tinggal dengan nenek sejak kecil lagi.
- Jurulatih itu _____ tegas terhadap pemain jika berkaitan dengan disiplin.
- Kediamannya terletak _____ jauh dari pekan itu.
- Para doktor tetap meneruskan tugas menyelamatkan mangsa serangan tentera Israel walaupun mereka _____ letih.
- _____ tidak disangka bahawa Farid pandai memasak makanan tradisional Melayu.
- Kerap _____ dia ke perpustakaan sejak belakangan ini kerana ingin mengulang kaji pelajaran.
- Besar _____ kubah masjid yang terletak di bandar itu.
- Hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak pencadang dalam perbahasan itu _____ meyakinkan.
- Junaidilah yang _____ banyak mengemukakan idea dalam perbincangan tentang aktiviti tahunan persatuan Bahasa Melayu.
- Indah _____ pemandangan matahari terbenam pada waktu senja di tepi pantai itu.